



KENYATAAN AKHBAR Untuk Siaran Segera

KUMPULAN SURIA KLCC PAMER SEMANGAT DEEPAVALI DENGAN DEKORASI KOLAM YANG UNIK

Kuala Lumpur, 3 November 2020 – Kumpulan Suria KLCC iaitu Suria KLCC, Alamanda dan Mesra Mall akan menampilkan dekorasi kolam unik untuk menyemarakkan semangat Deepavali.

Perayaan yang simbolik dengan "kemenangan cahaya mengatasi kegelapan", Deepavali adalah perayaan utama yang amat istimewa bagi masyarakat India untuk mengeratkan ikatan kekeluargaan disamping menyantuni adat dan tradisi. Ia juga merupakan perayaan yang sinonim dengan keunikan dekorasi yang berwarna warni dan berkerlipan mampu menyemai perasaan keterujaan dan kegembiraan selain dari simbol perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Suasana Deepavali yang meriah dapat dirasakan dengan hiasan kolam yang indah di pintu-pintu masuk utama Suria KLCC, ucapan perayaan di skrin digital dan di seluruh pusat membeli-belah serta hiasan berwarna-warni di pameran di Center Court, Ampang dan Ramlee Mall.

Pada sambutan Deepavali yang bakal kunjung tiba kali ini, pembeli juga akan menerima ganjaran melalui pelbagai cara, bagi para pengunjung yang berbelanja RM400 atau lebih dengan rekod dua resit di mana-mana kedai terpilih dari 6 - 15 November, mereka layak menebus 'Deepavali Snack Jar'. Ini terhad kepada satu (1) penukaran untuk setiap pembeli pada setiap hari, sementara stok masih ada.

Pembeli yang berkunjung ke Suria KLCC pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad dalam tempoh sambutan kali ini berpeluang untuk dipilih secara rawak bagi menerima sepasang sarung bantal eksklusif.

Di sebalik keadaan yang sukar sekarang hasil impak dari wabak Covid-19, kesemua pusat membeli-belah di bawah kumpulan Suria KLCC bertekad untuk meneruskan tradisi perayaan Deepavali bagi mendorong orang ramai untuk terus membina harapan dan terus cekal di dalam mengharungi kesukaran tatkala di musim perayaan kali ini.

"Kami memahami bahawa banyak kawasan di Lembah Klang masih berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, namun begitu ia masih tidak menghalang kami meraikan para pengunjung dalam tempoh yang mencabar ini," kata Andrew Brien, Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd.

"Usaha kami tidak hanya terhenti di Suria KLCC, di mana sambutan perayaan Deepavali juga turut diraikan di Alamanda Putrajaya dan Mesra Mall Terengganu. Ikuti kami di media sosial untuk terus mengetahui perkembangan aktiviti dan pelbagai kempen menarik yang bakal kami lancarkan," tambahnya.

Di Alamanda, mereka yang membelanjakan sekurang-kurangnya RM300 dalam tidak lebih dari 3 resit melalui pembelian di mana-mana kedai yang terpilih berpeluang menebus set lilin wangi dari Body Shop dan dua (2) tisu pembersih. Mereka yang berkunjung pada hari bekerja (Isnin hingga Khamis, tidak termasuk cuti umum) juga akan menerima baucar tunai F&B tambahan bernilai RM5 bersama dengan set lilin wangi, sementara stok masih ada.

Dan seperti Suria KLCC, Alamanda Putrajaya juga melengkapkan suasana perayaan dengan hiasan kolam yang unik. Para pembeli yang membuat penebusan semasa tempoh keberlangsungan kempen Deepavali masih layak untuk mengambil bahagian dalam kempen Jom Masyukk yang kini berlangsung dan akan berakhir pada 12 November 2020 yang mana pembeli di Alamanda Putrajaya berpeluang memenangi pelbagai hadiah terdiri daripada jongkong emas, rantai dan gelang emas serta baucar bernilai RM1,000 hingga RM5,000.

Tidak lupa Mesra Mall di Terengganu juga akan menampilkan hiasan Deepavali sejajar dengan meraikan keharmonian masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

- i. Suria KLCC - www.suriaklcc.com.my / www.facebook.com/SuriaKLCCMall
- ii. Alamanda - www.alamanda.com.my / www.facebook.com/AlamandaShoppingCentre
- iii. Mesra Mall - www.mesramall.com / www.facebook.com/MyMesraMall

-Tamat-

Mengenai Suria KLCC Sdn Bhd

Suria KLCC Sdn Bhd adalah sebuah syarikat usaha sama yang dimiliki oleh KLCC Property Holdings Berhad (60%) dan CBRE Global Investors (40%). Ia merupakan kumpulan pengurusan aset runcit bertaraf dunia yang memfokuskan kepada pembangunan dan operasi pusat membeli belah di Malaysia. Portfolio terkininya merangkumi tiga pusat membeli belah iaitu Suria KLCC (Kuala Lumpur), Alamanda (Putrajaya) dan Mesra Mall (Kertih). Dengan lebih 550 aneka kedai dan lebih 2 juta kaki persegi ruang runcit keseluruhannya, syarikat ini memberi peluang kepada peruncit tempatan dan antarabangsa untuk mendekati golongan pembeli berkemampuan tinggi di Malaysia

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Sherina Khairi

Pengurus, Komunikasi dan Perhubungan Awam

Suria KLCC Sdn Bhd

Tel: 03-2382 3434 / 012-204 1286

Emel: sherina.khairi@suriaklcc.com.my